

24 DEC 2000

SITI HASMAH SAMPAIKAN BANTUAN RAYA KEPADA 150 PENDUDUK KUBANG PASU

JITRA, 24 Dis (Bernama) -- Isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali menyampaikan bantuan sempena sambutan Aidilfitri kepada 150 orang penduduk di daerah Kubang Pasu di sini hari ini.

Penduduk yang menerima bantuan itu terdiri daripada golongan miskin, mangsa banjir yang berlaku hujung bulan lepas, mangsa kebakaran dan ibu tunggal yang menerima sumbangan berupa wang tunai dan pakaian.

Semasa berucap pada majlis yang berlangsung di pusat komuniti parlimen Kubang Pasu itu, beliau berkata rakyat Malaysia beruntung kerana ketika ditimpa kesusahan banyak pihak yang bersedia menghulurkan bantuan bagi meringankan penderitaan mereka.

Beliau meminta penerima bantuan bersyukur dan berterima kasih di atas sumbangan yang diberikan kepada mereka.

Siti Hasmah mengiringi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk lawatan singkat ke negeri ini.

Turut hadir pada majlis itu ialah Datin Seri Sharifah Hamidah Syed Hamid, isteri kepada Menteri Besar Kedah Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

-- BERNAMA

ZZ MZM AKD